

UCSI buka cawangan baharu di Perak

Melibatkan nilai pelaburan pembangunan kampus kelima UCSI - yang pertama dibina di hub pendidikan Bandar Seri Iskandar

Oleh **MOHD. SAIFUL MOHD. SAHAK**

kampus@utusan.com.my

UNIVERSITI UCSI institusi pengajian tinggi swasta terkemuka di negara ini bakal membuka kampus cawangannya di Perak dengan nilai pelaburan melibatkan pembangunan kampus kelima UCSI - yang pertama dibina di hub pendidikan Bandar Seri Iskandar (BSI).

BSI adalah projek pembangunan bandar terbesar yang dilengkapi beberapa pusat penyelidikan dan pembangunan (R&D) mencakupi pelbagai bidang termasuk pembangunan hab pendidikan, kediaman-kediaman yang berkualiti dan kemudahan-kemudahan riadah dan hiburan.

Menteri Besar Perak, **Datuk Seri Dr. Zambrly Abd. Kadir** (gambar) berkata, kehadiran universiti itu sekali gus mampu merealisasikan hasrat kerajaan negeri menjadikan Perak sebagai antara hab pendidikan antarabangsa di negara ini.

“Saya berharap langkah pertama ini

akan terus membawa kepada kerjasama yang lebih erat antara UCSI dengan kerajaan negeri pada masa akan datang.

“Kita sememangnya mengharapkan lebih banyak universiti swasta untuk membuka kampus terbaru di Perak,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis menandatangani memorandum persefahaman (MoU) antara UCSI dan Jumbo Straits Sdn Bhd (JS) di Bangunan Perak Darul Ridzuan, baru-baru ini.

Pada majlis tersebut, Zambrly menyaksikan MoU yang ditandatangani Pengerusi UCSI Group, Datuk Peter Ng bersama Ketua Pegawai Eksekutif Jumbo Straits Sdn. Bhd. Sunny Yee.

Hadir sama, Naib Canselor dan

Presiden Universiti UCSI, Prof Datuk Dr Khalid Yusoff.

Zambrly berkata, kerjasama pendidikan ini melibatkan kerjasama dalam menjana tenaga-tenaga mahir dalam industri

hospitaliti dan pelancongan tempatan.

“Ini adalah amat penting kerana industri pelancongan mempunyai nilai berbilion ringgit dan telah dikenalpasti oleh Perak sebagai salah satu faktor utama yang mempunyai potensi pertumbuhan yang sangat baik.

“Kampus ini akan mempunyai sebuah boutique hotel -yang juga akan berfungsi sebagai pusat latihan dalam kampus untuk pelajar di bawah Fakulti Hospitaliti dan Pengurusan Pelancongan,” katanya.

Dalam pada itu, Peter Ng berkata, kampus baru ini adalah salah satu langkah UCSI dalam memastikan permintaan pekerja-pekerja berkemahiran oleh pemain industri dipenuhi.

“Kampus ini boleh menampung sehingga 5,000 pelajar apabila siap nanti. Ia juga mempunyai lokasi yang strategik yang juga melibatkan pembinaan sekolah antarabangsa UCSI yang dijangka akan menampung sehingga 2,000 pelajar,” katanya.



PETER Ng (kiri) dan Sunny Yee (kanan) bertukar dokumen perjanjian pembinaan kampus UCSI baharu sambil disaksikan Zambrly Abdul Kadir dan Khalid Yusoff di Perak, baru-baru ini.